

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S97/2024	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Lapang Di Jalan Dayang 10/8, Bandar Mahkota Cheras, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G2	CE21	RM150.00	21 Mei 2024 Hingga 4 Jun 2024
MPKj S98/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap Dan Perkhidmatan Yang Berkaitan Di Kawasan "Bangi Walk" Dan Kawasan Laman Bangiku, Bandar Baru Bangi, Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Dengan Pilihan Lanjutan Satu (1) Tahun (1+1 Tahun)	KKM	221002	RM100.00	
MPKj S99/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap Dan Perkhidmatan Yang Berkaitan Di Taman Belia 'Youth Park' @ Kampung Sungai Kantan Dan Di Taman Sahabat Rotary Mukim Kajang, Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Dengan Pilihan Lanjutan Satu (1) Tahun (1+1 Tahun)				
MPKj S100/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap Dan Perkhidmatan Yang Berkaitan Di Taman Rekreasi Awam, Bandar Sunway Semenyih, Mukim Semenyih, Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Dengan Pilihan Lanjutan Satu (1) Tahun (1+1 Tahun)				
MPKj S101/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap Dan Perkhidmatan Yang Berkaitan Di Kompleks Sukan, Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Dengan Pilihan Lanjutan Satu (1) Tahun (1+1 Tahun)				
MPKj S102/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap Dan Perkhidmatan Yang Berkaitan Di Taman Awam, Seksyen 3 Tambahan, Bandar Baru Bangi, Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Dengan Pilihan Lanjutan Satu (1) Tahun (1+1 Tahun)				

**DOKUMEN MEJA TAWARAN**

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my>.

**Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.**

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

**Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.**

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **21 MEI 2024 HINGGA 4 JUN 2024**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

**TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 4 JUN 2024 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kajang  
(Peti Sebut Harga/ Tender)  
Tingkat 4  
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan  
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih  
Off Jalan Semenyih  
43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

**LAWATAN TAPAK**

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.